

MPP USIM berbakti di Perth

GLOBAL



SEBAHAGIAN
anak warganegara
Malaysia di Perth
Australia yang
menyertai Bengkel
Ibadat Mini.

kami mendedahkan peserta mengenai aspek asas dalam ibadat terutama dari aspek solat secara teoritikal mahupun praktikal. Lebih membanggakan, kami menerima maklum balas yang cukup positif dan memberangsangkan, malah ada sebahagian ibu bapa yang mahukan hubungan berterusan antara fasilitator dan peserta bengkel," katanya.

Bagi pihak penganjur, segala ilmu dan pengalaman yang ditimba sepanjang program itu dapat digunakan sebaiknya dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa agar lebih berdaya saing sama ada di peringkat tempatan mahupun global.

MANTAN Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sesi 2009/2010 berjaya merealisasikan program pengantarabangsaan ke Perth, Australia pada 23 hingga 29 Mei lalu.

Kejayaan program tahunan disertai delegasi seramai 10 mahasiswa itu diketuai Penolong Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM hasil komitmen dan kerjasama jitu ahli MPP.

Berlangsung selama tujuh hari, program diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk sesi dialog dan lawatan kampus ke tiga universiti sekitar Perth iaitu University of Western Australia (UWA), Curtin University dan Edith Cowan University (ECU).

Pengarah Program GISO Perth, Khairul Arafat Wahit, berkata kesempatan berada di universiti berkenaan diambil dengan meninjau prasarana dan kemudahan

disediakan kepada mahasiswa dan pada masa sama memberi peluang kepada delegasi menimba ilmu serta pengalaman terutama cabaran kepada pemimpin pelajar dalam mengendalikan mahasiswa antarabangsa.

"Delegasi juga berpeluang mengunjungi pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Perth dan kehadiran kami disambut baik Pegawai Pendidikan, Rudy Adrie Idris. Kami turut diraikan pada satu majlis makan malam yang diadakan di kediaman rasminya.

"Istimewanya program kali ini ialah suntikan elemen khidmat masyarakat dalam setiap aktiviti selaras dengan keperluan universiti menerusi program USIM Global Islamic Student Outreach (GISO)," katanya.

Beliau berkata, GISO mensyaratkan setiap program pengantarabangsaan



DELEGASI GISO USIM ketika mengunjungi pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Perth.

perlu diberi elemen khidmat masyarakat dan MPP USIM memutuskan untuk menganjurkan Bengkel Ibadat Mini di Collier Gardens, Karawara, berhampiran Curtin

University.

"Bengkel sehari itu mendapat kerjasama Malaysian Postgraduate Student's Association of Western Australia (MyPSA) dan seronoknya, kami

berjaya menarik penyertaan 62 kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang juga anak warganegara Malaysia yang bermastautin di sekitar Perth.

"Sepanjang bengkel itu,